

**Gaya Kepimpinan Guru Besar Wanita Dan Hubungannya Dengan Komitmen Guru Di  
Sekolah-Sekolah Kebangsaan Zon Kluang Barat, Kluang, Johor**  
Hassan Bin Hushin & Normala Binti Shamsudin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya kepimpinan guru besar wanita dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah-sekolah Zon Kluang Barat, Kluang, Johor. Dua dimensi gaya kepimpinan telah dikenalpasti dalam kajian ini iaitu gaya kepimpinan beroreantasikan struktur tugas dan beroreantasikan timbangrasa. Kajian berbentuk kuantitatif deskriptif ini dilakukan dengan meninjau persepsi guru menggunakan soal selidik *Leadership Behavior Description Questionnaire (LBDQ)* dan soal selidik komitmen kerja yang diambil dari Indeks Komitmen Tenaga Kerja (*The Workforce Commitment Index*) dengan sedikit pengubahsuaihan. Seramai 102 orang guru telah dipilih sebagai responden dari empat buah sekolah yang dipimpin oleh guru besar wanita di Zon Kluang Barat, Kluang, Johor. Dapatan dari kajian rintis menunjukkan pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* soal selidik ini bagi gaya kepimpinan adalah 0.952 dan bagi tahap komitmen guru adalah 0.904. Analisis data dilakukan menggunakan *Program Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 12.0 dan skor min untuk setiap dimensi kepimpinan dijadualkan. Dapatan dari kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan guru besar wanita dengan komitmen guru. Walaubagaimanapun ia berada pada tahap yang lemah. Beberapa cadangan serta cadangan untuk kajian yang akan datang juga dikemukakan di akhir kajian ini.

*Katakunci :* gaya kepimpinan, guru besar, komitmen guru

### **Pendahuluan**

Seiring dengan kemajuan pesat pelbagai bidang dalam dunia yang tanpa sempadan ini, kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan telah semakin meningkat. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di negara-negara maju tetapi bahangnya juga turut dirasai di negara-negara membangun termasuklah negara kita Malaysia. Tidak dapat dinafikan lagi ungkapan dalam bahasa Inggeris ‘*knowledge is power*’ yang membawa maksud mana-mana individu atau negara yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dikatakan mempunyai kuasa atau pengaruh yang besar ke atas individu atau negara lain.

Masyarakat khususnya ibu bapa sendiri meletakkan sekolah sebagai sebuah institusi formal yang bertanggung jawab dalam memberikan pendidikan awal kanak-kanak. Menyedari hal ini pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan peluang-peluang pendidikan yang terbaik serta berkualiti kepada semua rakyat di negara ini. Bahkan mutakhir ini kita dapat lihat bahawa pendidikan di negara kita adalah lebih bersifat holistik dengan hasrat bagi melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat, dianggarkan pada tahun 2005, 48 peratus tenaga kerja wanita menyumbang sebanyak 50 peratus daripada pendapatan keluarga. Kajian ini menyatakan 65 peratus wanita bekerjaya adalah juga wanita yang menguruskan rumah tangga. (Kamariah Wahab, 2007). Walaubagaimanapun didapati ramai wanita lebih terlibat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kecantikan, fesyen, peragaan, perkhidmatan, perkeranian,

dan lain-lain bidang yang kurang berisiko. Ini dilihat selari dengan sifat wanita yang pada umumnya dikaitkan dengan sifat lembut, teliti, penyayang, tekun, sabar dan seumpamanya.

Dewasa ini terdapat juga segelintir golongan wanita yang telah berani menyahut cabaran serta mengambil risiko bagi menceburi bidang kerjaya yang dahulunya hanya dimonopoli oleh golongan lelaki, misalnya dalam pertahanan, keselamatan, kejuruteraan dan lain-lain bidang yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang tinggi hingga ke peringkat pengurusan tertinggi dalam pelbagai organisasi termasuklah sebagai pemimpin politik yang bukan sahaja terlibat di peringkat akar umbi malahan hingga ke peringkat antarabangsa.

### **Objektif kajian**

Adalah diharapkan kajian ini akan menghasilkan penemuan yang bermenafaat kepada pelbagai pihak dan dapat menjelaskan lagi kemosykilan yang timbul. Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Mengenalpasti jenis gaya kepimpinan yang sering diamalkan oleh guru besar wanita di sekolah-sekolah kebangsaan dalam Zon Kluang Barat, Kluang, Johor.
2. Melihat tahap komitmen guru terhadap sekolah yang dipimpin oleh guru besar wanita di sekolah-sekolah kebangsaan dalam Zon Kluang Barat, Kluang, Johor.
3. Melihat hubungan diantara gaya kepimpinan guru besar wanita dengan komitmen guru di sekolah-sekolah kebangsaan dalam Zon Kluang Barat, Kluang, Johor.
4. Mengenalpasti gaya kepimpinan guru besar wanita yang paling mempengaruhi komitmen guru di sekolah-sekolah kebangsaan dalam Zon Kluang Barat, Kluang, Johor.

### **Kepentingan kajian**

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk cuba memberikan sedikit sebanyak gambaran dan penjelasan tentang persoalan ini. Kajian juga dijalankan untuk melihat sejauh mana keberkesanan sekolah di bawah kepimpinan guru besar wanita. Kepentingan kajian ini meliputi beberapa perkara seperti berikut :

1.6.1 Mengumpul maklumat berkaitan gaya kepimpinan yang diamalkan oleh guru besar wanita bagi rujukan sekolah-sekolah yang dikaji. Hasil kajian ini diharap dapat memberi panduan bagi mempertingkatkan lagi tahap keberkesanan pengurusan dan pentadbiran serta prestasi kerja guru besar wanita.

1.6.2 Dapatan kajian dapat menyumbang serta menambahkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan gaya kepimpinan guru besar wanita dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah yang diharap dapat memberikan satu implikasi mengenai isu keberkesanan wanita sebagai pemimpin.

1.6.3 Kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh guru besar wanita bagi membantu mereka membuat refleksi diri serta melihat apakah stil atau gaya kepimpinan yang diperlukan dan dapat diterima oleh sub ordinat bagi meningkatkan komitmen guru supaya semua program serta perancangan sekolah dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai kecemerlangan sekolah.

1.6.4 Seterusnya hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak Pejabat Pelajaran Daerah atau Jabatan Pelajaran Negeri atau mana-mana pihak yang berkewajiban untuk merancang atau menganjurkan kursus-kursus atau program yang sesuai bagi membimbing wanita sebagai pemimpin yang cekap dan berkesan supaya dapat meningkatkan komitmen guru di sekolah.

1.6.5 Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu serta memberikan maklumat kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya dapat memberikan peluang yang sewajarnya kepada wanita yang memenuhi kriteria serta kelayakan yang ditetapkan untuk memimpin sekolah.

### **Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Majid (1998), penyelidikan berbentuk deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat apakah gaya kepimpinan yang diamalkan oleh guru besar wanita dan apakah hubungannya dengan komitmen guru di sekolah. Kajian yang akan dijalankan difokuskan kepada gaya kepimpinan guru besar wanita dari dimensi struktur tugas dan timbang rasa serta hubungannya dengan komitmen guru terhadap sekolah di Zon Kluang Barat, Kluang, Johor. Data yang diperolehi menggunakan soal selidik manakala penganalisisan data menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*).

### **Sampel Kajian**

Menurut Azizi Yahaya, *et.al.* (2007), sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya. Saiz sampel juga penting. Semakin kecil saiz populasi, semakin rendah ketepatannya. Saiz sampel yang lebih besar akan lebih tepat untuk mewakili populasi serta mengurangkan ralat persampelan. Walaubagaimanapun saiz sampel yang terlalu besar pula akan menyulitkan sedikit untuk mendapatkan data bagi penyelidikan. Jadi, tatacara untuk menentukan persampelan yang betul oleh Krejcie dan Morgan (1970) boleh digunakan seperti Jadual 1:

**Jadual 1 : Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970)**

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	320
80	66	420	201	3500	346
100	80	500	217	6000	360
150	108	750	254	15000	375
200	132	1000	278	75000	382

• Petunjuk : N = Bil. Populasi dan S = Bil. Sampel

Populasi iaitu bilangan guru di empat buah sekolah yang telah dikenalpasti dipimpin oleh guru besar wanita di Zon Kluang Barat iaitu seramai 140 orang. Berdasarkan Jadual Krejcie, R, V, dan Morgan, D.W. (1970), untuk populasi yang bersaiz 150, saiz sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 108 responden. Oleh itu, seramai 110 guru diberikan soal selidik berkenaan dimana bilangan ini adalah melebihi saiz sampel yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan. Bagaimanapun, hanya 102 (92.7%) responden sahaja yang memulangkan soal selidik dimana 35 responden adalah dari Sekolah Kebangsaan Perempuan Bandar, 15 dari Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu Niyur, 17 dari Sekolah Kebangsaan Convent dan 35 lagi dari Sekolah Kebangsaan Seri Lalang.

### **Kajian Rintis**

Bagi memastikan soal-selidik yang dibina mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang bertepatan dengan piawaian pembinaan soal selidik, penyelidik perlu menjalankan kajian rintis. Di mana menurut Mohd. Majid Konting (1990), keputusan yang menunjukkan nilai pekali

kesahan Alpha Cronbach lebih dari 0.06 menunjukkan kadar kebolehpercayaan sesuatu soal selidik atau instrumen kajian berkenaan adalah tinggi.

### **Analisis Data**

Kaedah Regresi Berbilang (Multiple Regresion) digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti gaya kepimpinan yang paling mempengaruhi komitmen guru iaitu diantara gaya kepimpinan beroreantasikan struktur tugas dan beroreantasikan timbangrasa.

**Rajah 2 : Rumusan Model (Model Summary)**

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std.Error of the Estimate
1	.301(a)	9.1 %	.072	.60644

A Predictors : (Constant), tbgrasa, tugas

Rajah 2 menunjukkan rumusan model dimana didapati :

$$R \text{ (Regression)} = 0.301$$

$$R^2 \text{ (Regression Square)} = 9.1 \%$$

$$R^2 \text{ (Regression Square Adjusted)} = 0.072$$

Analisis menunjukkan terdapat hubungan korelasi linear yang rendah (0.301) antara gaya kepimpinan dan komitmen guru. Nilai R<sup>2</sup> yang diperolehi menunjukkan 9.1 % daripada sebarang perubahan dalam komitmen guru boleh diterangkan oleh dua pembolehubah yang digunakan dalam regresi iaitu gaya kepimpinan beroreantasikan struktur tugas dan timbang rasa.

**Rajah 3 : ANOVA(b)**

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	3.626	2	1.813	4.930	.009(a)
	Residual	36.409	99	.368		
	Total	40.035	101			

a Predictors : (Constant), timbangrasa, struktur tugas

b Dependent Variable : komitmen

Merujuk Rajah 3, dapatan menunjukkan berdasarkan ujian F, boleh dibuat kesimpulan bahawa kedua-dua dimensi gaya kepimpinan iaitu beroreantasikan struktur tugas dan timbangrasa mempengaruhi komitmen guru apabila nilai Regresi (0.009) adalah signifikan pada aras keertian 0.05.

**Rajah 4 : Coefficients (a)**

Model	Unstandardized Coefficients		Beta	t	Sig.
	B	Std.Error			
1	(Constant)	3.235	.747	4.332	.000
	Struktur Tugas	-.188	.205	-.917	.362
	Timbang Rasa	.492	.158	.326	.120

A Dependent Variable : Komitmen

Jadual 4 di atas pula menunjukkan gaya kepimpinan berorentasikan timbang rasa lebih mempengaruhi komitmen guru berbanding dengan gaya kepimpinan berorentasikan struktur tugas. Ini dapat dilihat melalui analisis data yang menunjukkan gaya kepimpinan berorentasikan timbang rasa mempunyai nilai signifikan yang lebih rendah (0.002) iaitu lebih rendah daripada aras keertian 0.005. Manakala gaya kepimpinan berorentasikan struktur tugas pula mempunyai nilai signifikan 0.362 iaitu lebih tinggi daripada arsa keertian. Jadi, ini menunjukkan bahawa gaya kepimpinan beroerntasikan timbangrasa lebih mempengaruhi tahap komitmen guru di sekolah-sekolah yang dikaji.

### **Perbincangan**

Analisis dapatan kajian melalui kaedah pengiraan nilai min skor menunjukkan Guru-guru Besar wanita di sekolah-sekolah dalam Zon Kluang Barat cenderung mengamalkan gaya kepimpinan berorentasikan struktur tugas berbanding dengan gaya kepimpinan berorentsikan timbang rasa. Kenyataan ini adalah berdasarkan nilai min skor keseluruhan bagi dimensi berkenaan iaitu 3.73 yang lebih tinggi dari nilai min skor gaya kepimpinan dimensi berorentasikan timbang rasa iaitu 3.49.

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa guru besar wanita lebih menumpukan kepada aspek-aspek berkaitan dengan struktur tugas seperti penyusunan serta pembahagian tugas, penekanan terhadap pencapaian matlamat sekolah, menghayati dan mengamalkan peraturan-peraturan atau arahan yang ditetapkan, penghasilan berkualiti dan budaya kerja cemerlang. Ini besesuaian dengan Hussein (1997) yang berpandangan untuk menjadi seorang guru besar yang mempunyai kepimpinan yang berkesan perlulah menyatakan matlamat sekolah dengan jelas kepada semua guru, staf-staf sokongan, ibu bapa, masyarakat serta pelajar yang mempunyai kepentingan bersama. Dari dapatan kajian, menunjukkan tahap komitmen guru-guru adalah pada tahap yang tinggi di sekolah-sekolah yang dikaji iaitu nilai min skor adalah 4.24. Ini menunjukkan walaupun sekolah-sekolah dipimpin oleh guru besar wanita, tahap komitmen guru tetap berada pada tahap yang tinggi. Apa yang lebih penting ialah bagaimana seseorang guru besar itu dapat menjadikan keseluruhan iklim serta budaya sekolah agar dapat mengekalkan tahap komitmen guru di sekolah.

Dapatan kajian mendapati wujudnya hubungan antara gaya kepimpinan guru besar dengan komitmen guru. Walaubagaimanapun ia berada pada tahap yang lemah. Mohd Hidayat (2000) juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan pengurus dengan komitmen pekerja. Walaubagaimanapun dapatan kajian beliau menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan berorentasikan struktur tugas dengan pekerja terhadap organisasi.

Kajian ini juga mendapati kedua-dua gaya kepimpinan yang diamalkan oleh guru besar wanita iaitu yang berorentasikan struktur tugas dan juga timbang rasa mempengaruhi komitmen guru. Walaubagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan gaya kepimpinan berorentasikan timbang rasa lebih mempengaruhi komitmen guru yang dapat dilihat dari nilai signifikan yang lebih rendah dari aras keertian 0.005.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Taylor dan John (2002) yang mana dapatannya juga menunjukkan pendekatan kepimpinan dari dimensi timbang rasa mempunyai pengaruh dan kesan yang besar ke atas komitmen guru berbanding pendekatan kepimpinan dimensi struktur tugas.

## Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur:PTS Professionalism Publishing, Sdn Bhd.
- Blake, R.R. & Mouton, J.S. (1964). *The Managerial Grid*. Houston : Gulf Publishing Co.
- Buchanan,B. (1974). *Building Organizational Commitment: The Socialization of Manager in Work Organization.*" *Administrative Science Quarterly*.
- Druckers, P. (1969). *The Practice of Management*. New York : Harp.
- Faisal Hj. Othman (1993). Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam. Kuala Lumpur :Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Hussine Hangah @ Haji Hangah (1998). *Gaya keimpinan pengetua wanita dan korelasinya dengan kepuasan bekerja dikalangan guru di daerah Hulu Langat, Selangor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UPM , Serdang.
- Ibrahim Mamat. 1993. Kepimpinan sekolah. Teori untuk praktis. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Md Shah (1999). *Pengenalan Psikologi Industri Jilid 1*, UTM,Skudai.
- James S.Pounder, Marianne Coleman.(2002). *Women-better leaders than men ? In general and educational Management it still all depends,*" *Leadership & Organization Development: Journal*, Volume 23.
- Kamariah Wahab.(2007). *Rahsia Kejayaan Wanita Bekerjaya*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lunnenberg F.C & Ornstein.D.C (1991). "*Educational Administration:Concepts and Practices.*" California.Waudsmauth Publishing Company.
- Mehrabian, A & Bank,L. (1978). A questionnaire measure of individual differences in achieving tendency. *Educational and psychological Measurement*.
- Owen,M. (1998). *Women fill senior jobs*,Advertiser.
- Razali Mat Zin (1996) : *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Robbins,S.P (2000). *Essential At Organizational Behavior*, 4th Edition.New Jersey:Prentice Hall,Incoporation.
- Suaidah Ahmad (1983). *Tingkah laku kepimpinan guru besar dan hubungannya dengan kepuasan kerja guru-guru*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera (Dengan Kepujian). Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taylor J.W and John M.C (2002). *Leadership Approach,School,Climate and teachers Commitment* : A Philippine Perspactive Education Journal.
- Wan Mohd.Zahid Mohd Nordin(1993). ‘*Wawasan Pendidikan :Agenda Pengisian*.Kuala Lumpur :Nurin Interprise.
- Yin Cheong Cheng (1994). *Teacher Leadership Style: A Classroom-Level Study*. International Journal of Educational Management.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1978). *Pentadbiran Pendidikan*.Shah Alam :Fajar Bakti.